

## Muhammad Zulazizi Mohd Nawir



Mahasiswa Fakulti Pengajian  
Bahasa Utama  
Universiti Sains Islam Malaysia

# Jadikan bahasa Arab sebagai bahasa harian

**M**ampu menguasai bahasa Arab merupakan satu anugerah Allah yang besar kepada kita. Tambahan pula, kita sebagai orang Islam disajikan dengan al-Quran dan hadis yang lahir dari bahasa Arab. Dengan mempelajari bahasa Arab, kita bukan sahaja dapat berinteraksi serta berkawan dengan orang Arab, malah kita dapat berdialog dengan Sang Pencipta dengan penuh penghormatan.

Sedar atau tidak sedar, pembelajaran bahasa Arab memerlukan waktu yang khusus serta metode yang jelas. Bahasa Arab bukan menjurus kepada penghafalan semata-mata tetapi kesempurnaan penguasaannya meliputi irab (penentuan baris), tahlil (analisis), qiraat (bacaan), kalam (bertutur), istima' (mendengar), kitabah (penulisan) dan tarjamah (terjemah).

Dengan melihat kepada fenomena pembelajaran bahasa Arab hari ini, ramai mahasiswa yang belajar di negara Mesir khususnya mahasiswa Universiti Al-Azhar masih gagal berbahasa Arab. Kemampuan mereka menguasai bahasa Arab secara signifikan adalah sedikit. Mereka juga lemah dalam berbahasa Arab, baik dalam tatabahasa, kalam apatah lagi kitabah. Jadi persoalannya, apakah yang dilakukan mahasiswa di sana?

Walaupun terdapat ramai peminat bahasa Arab, tetapi kita tidak tahu untuk bagaimana memulakan langkah pertamanya. Oleh sebab itu, proses pembelajaran bahasa Arab memerlukan kesabaran, kemampuan, minat dan motivasi.

Setiap pelajar bahasa Arab wajib mendalami kemahiran istima' dan kalam. Kemampuan istima' hanya boleh dikuasai apabila kemampuan kalam dilatih.

### Kartun Arab

Latihan seperti menonton filem, drama dan cerita kartun Arab sangat digalakan. Ini kerana bahasa Arab mempunyai lajiah ammiyah dan fush-ha.

Penting bagi seorang mahasiswa untuk memahaminya agar tidak bercampur-aduk antara kedua lajiah. Memanglah dari sudut kitabah adalah berlainan, namun dari sudut intonasi hampir sama. Proses dan kaedah ini memerlukan masa yang lama, tetapi hasilnya cukup mengagumkan.

Kini, penggunaan laman sosial dan talian internet seperti Wechat, WhatsApp, Facebook, Instagram, WowApps, Yahoo, MySpace dan Twitter semakin mendapat perhatian.

Namun jarang antara kita memanfaatkannya. Banyak ruangan dan item yang berfaedah dapat dikongsikan bersama contohnya mengemas kini status dalam bahasa Arab. Antara website atau blog yang berguna

dalam pembelajaran bahasa Arab seperti *Al-Jazaara.net*, *Thaqafnafsak.net*, *Qutrub.arabeyes.net*, *Islamguid.org*, *Ezarabic.net*, *Arabicgames.iium*, *Gulfkids.com* dan sebagainya.

Sehubungan dengan itu,



**KITA BOLEH MEMPELAJARI BAHASA ARAB DENGAN MENELAHAH DAN MENDALAMI SYAIR-SYAIR ARAB. UMUM MENGETAHUI SYAIR ARAB MODEN DAN SYAIR ARAB KLASIK MEMPUYAI DIKSI ATAU PEMILIHAN KATA YANG BAIK.**

kita juga boleh melatih diri menyusun atur kalimah tanpa mementingkan disiplin Syntax, Morphology dan linguistik.

Sebenarnya belajar bahasa Arab tidak perlu bersusah payah mematuhi peraturan yang terlalu ketat, kerana kemungkinan sesetengah pelajar sukar 'pick upnya'. Jadi sememangnya susunan kata pada awal pembelajaran agak tunggang-langgang.

Memang tidak dinafikan, ilmu Syntax, Morphology dan linguistik menjadi asas utama dalam pembelajaran bahasa Arab. Tetapi konsep atau kaedah yang terlampau bergantung kepada ilmu-ilmu berkenaan, akan menyebabkan pemula-pemula bahasa Arab jemu untuk belajar.

Oleh itu, bagi individu yang mula berjolak-jolak dalam bahasa Arab, mereka perlu menghafal ayat-ayat pendek, bukan ayat panjang. Ini kerana, setiap ayat pendek mampu melatih individu memahami dan mengikut susunan yang betul.

Seterusnya, bagi yang sudah mampu bertutur dan mendengar, tetapi belum

mampu menulis dengan baik, kita boleh berlatih menulis rencana mudah.

### Keratan akhbar

Gunakanlah kosa kata yang kita hafal itu dengan mempraktikkannya. Jika kita telah terbiasa membaca dalam bahasa Arab, kita akan lebih mudah untuk menyusun ayat dalam rencana. Mungkin pada permulaannya kita agak sukar, namun lama-kelamaan kita akan terbiasa.

Dalam usaha menguasai bahasa Arab, kita boleh menggunakan keratan akhbar. Penggunaan keratan akhbar berupaya menanam minat dan mengembangkan kreativiti.

Selain itu, akhbar juga dapat memberikan keseronokan kepada kita kerana dengan penggunaannya, kita akan mengalami situasi yang terkeluar daripada suasana pembelajaran biasa dan seterusnya dapat menghindarkan daripada bosan untuk belajar.

Bagi yang meminati sukan bola sepak, kita boleh memilih pengulas berbahasa Arab. Cubalah meniru slang percakapan mereka. Perkara ini juga membantu.

Akhir sekali, kita boleh mempelajari bahasa Arab dengan menelaah dan mendalami syair-syair Arab. Umum mengetahui syair Arab moden dan syair Arab klasik mempunyai diksi atau pemilihan kata yang baik.

Walaupun ada unsur kata yang dipilih memaparkan ketidaksopanan, namun gaya dan uslub bahasa yang ditulis cukup ringkas, padat serta mempunyai makna yang luas. Sudut penggunaan istilah pula bercorak intelektual, gabungan intelek serta nilai estetik.

Sebagai kesimpulan, jika seseorang itu ingin benar-benar menguasai bahasa Arab, maka jadikanlah sebagai bahasa harian. Latihlah diri dengan selalu bercakap, mendengar, membaca, dan menulis dalam bahasa Arab.

Mahasiswa yang berminat untuk menghantar rencana, boleh e-mel ke [bhvarsiti@bh.com.my](mailto:bhvarsiti@bh.com.my)